

Jalan raya lebih selamat di hari raya: Kita mampu mengubahnya

**MINDA
AHAD**

Oleh
**Ahmad Farhan
Mohd Sadullah**



SABAN tahun, isu keselamatan jalan raya masih belum ada penyelesaian. Setiap kali tibanya musim perayaan, masalah keselamatan jalan raya menjadi perhatian kerana malangnya, dalam kegembiraan di musim perayaan kita sering menerima berita tragedi kesengsaraan di jalan raya.

Menurut analisis yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), semasa musim perayaan hari raya tahun 2024, pada 5 April 2024 menyaksikan bilangan kemalangan tertinggi dengan 2,185 nahas sehari dan 25 kematian. Ini berbanding dengan purata negara sebanyak 1,640 kemalangan sehari dan 17.73 kematian sehari untuk tahun 2023 bagi seluruh negara.

Mengapa Malaysia masih gagal dalam usahanya untuk mengurangkan kesengsaraan di jalan raya?

Kita semua perlu memainkan peranan supaya hari raya tahun ini benar-benar menjadi kemenangan kita dalam memerangi pandemik kesengsaraan akibat nahas jalan raya.

Mari kita fahami situasi perjalanan semasa musim hari raya.

■ Peningkatan jumlah perjalanan secara mendadak sepanjang musim perayaan.

Risiko: Kesesakan akan berlaku, dan walaupun kelajuan aliran trafik akan lebih rendah, tetapi konflik dalam arus lalu lintas akan bertambah kerana kenderaan akan banyak potong memotong dan bertukar lorong. Kesabaran pemandu juga akan dicabar, dan ada kalanya wujud pemandu yang melakukan pemanduan agresif yang berbahaya dan boleh meningkatkan kebarangkalian kemalangan.

■ Bilangan kenderaan bertambah bukan sahaja di lebuh raya dan jalan utama antara bandar, tetapi juga di semua jenis jalan termasuk di jalan-jalan kampung dan jalan di kawasan pekan-pekan



SEMASA musim perayaan hari raya tahun 2024, pada 5 April 2024 menyaksikan bilangan kemalangan tertinggi dengan 2,185 nahas sehari dan 25 kematian. - GAMBAR HIASAN

utama.

Risiko: Kenderaan di kawasan tempatan dan kampung akan bertambah. Dengan percampuran kenderaan besar dan kecil; termasuk motosikal, basikal dan pejalan kaki, bilangan konflik di jalan dalam kampung dan kawasan tempatan akan berubah dan kebarangkalian nahas berlaku akan bertambah. Perubahan keadaan aliran trafik di kampung kampung juga boleh menambah risiko.

■ Peningkatan perjalanan berkonvoi untuk ziarah rumah keluarga.

Risiko: Walaupun kenderaan masing-masing ada sistem maklumat trafik (Google Map/Waze), tetapi kebanyakan masyarakat suka bergerak dari rumah ke rumah yang dizarahi secara berkumpulan. Perjalanan serentak ini boleh dianggap berkonvoi. Bila berkonvoi, pemandu seringkali ingin bersekali dan tidak mahu tertinggal. Risiko membuat kesilapan sering berlaku dalam situasi sebegini dan ada kalanya akan melanggar lampu merah, dan membuat pembelokan secara berbahaya. Situasi risiko lain di jalan raya bersama kelajuan dalam berkonvoi ini akan meningkatkan kebarangkalian



Rancang perjalanan dengan baik, dan peruntukan masa yang sewajarnya supaya anda tidak terburu-buru untuk sampai ke destinasi. Lebihkan bersabar dan sentiasa tenang semasa pemanduan dan penunggangan."

nahas berlaku.

■ Perjalanan dilakukan dalam keadaan kenyang, lesu dan mengantuk.

Risiko: Pemanduan dalam keadaan ini akan segera membawa kepada kehilangan penumpuan dan situasi tidur-mikro (*micro-sleep*). Situasi ini sering berlaku dengan pemandu akan tertidur dalam beberapa saat, dan berkemungkinan tinggi akan hilang kawalan. Sekiranya kenderaan bergerak dengan laju dan terdapat selekoh atau

kenderaan lain berdekatan, risiko pelanggaran akan bertambah.

Mari kita semua memainkan peranan masing-masing untuk mengurus risiko yang wujud di jalan raya dengan lebih baik, supaya kebarangkalian kita terlibat atau menjadi penyebab kepada nahas di jalan raya akan berkurangan.

Berikut adalah beberapa pesanan untuk amalan semua:

Sentiasa memakai topi keledar semasa menunggang motosikal. Ini akan mengurangkan keseriusan kecederaan pada kepala anda jika terlibat dengan kemalangan.

Sentiasa memakai tali pinggang keledar apabila berada di dalam kenderaan. Ini akan melindungi anda dari tercampak keluar atau terhantak dengan objek di dalam kenderaan, sekiranya kenderaan terlibat dengan nahas, ataupun dihentikan secara mengejut.

Sentiasa memandu dan menunggang dengan kelajuan dalam kawalan selamat (mengikut had laju yang ditetapkan). Ini akan membantu anda mengawal kenderaan anda dengan lebih baik dan selamat, dan sekiranya berlaku pelanggaran, impak pelanggaran tidak akan mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

Rancang perjalanan dengan baik, dan peruntukan masa yang sewajarnya supaya anda tidak terburu-buru untuk sampai ke destinasi. Lebihkan bersabar dan sentiasa tenang semasa pemanduan dan penunggangan

Peka kepada kenderaan lain yang berada dalam titik buta anda, terutamanya motosikal, dan berhati-hati sebelum memotong atau menukar lorong. Ini akan mengelakkan anda terlibat dengan kemalangan apabila anda memotong.

Untuk pengendali motosikal, pastikan anda sentiasa dapat dilihat oleh kenderaan lain. Oleh itu elakkan dari menukar lorong dan arah laluan dengan tergesa-gesa.

Elak memandu apabila terlalu kenyang, penat ataupun mengantuk. Carilah tempat untuk berhenti rehat atau rehat dahulu sebelum memandu. Jika boleh cari pemandu alternatif. Ini akan memelihara anda dari menjadi mangsa tidur-mikro yang amat berbahaya dan boleh mengakibatkan pelanggaran yang serius

Sentiasa berbual dengan penumpang lain dalam kenderaan supaya pemandu tidak mudah mengantuk.

Elakkan bergerak di dalam konvoi yang berangkai. Gunalah Sistem Maklumat Trafik masing-masing untuk sampai ke destinasi yang sama, tetapi jangan bergerak berkonvoi, kerana ia membawa lebih banyak risiko. Anda masih akan beraya bersama. Lebih berhati-hati di jalan raya dalam kawasan yang mempunyai konflik lalu lintas yang lebih tinggi.

Ibu bapa diminta untuk menghalang anak-anak yang tidak berlesen untuk mengendalikan motosikal, kerana mereka ini tidak kompeten dan tidak dilatih dari aspek peraturan dan etiket di jalan raya, kerana mereka belum mendapat lesen yang sah.

Selamat Hari Raya, semoga kita semua pengguna jalan raya mampu mengubah keadaan keselamatan di jalan raya, dan hari raya kali ini akan mengubah situasi malang kita. "Ayuh, kita mampu Mengubahnya".

Datuk' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia